

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[WANGSA MAJU]**

**SOALAN**

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan proses dan jumlah pengeluaran visa pelajar luar negara yang membolehkan mereka belajar di kolej/universiti di negara ini. Berapa pelajar asing yang telah menyalahgunakan visa pelajar mereka dengan terlibat dalam aktiviti haram atau berkarya tanpa izin.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, semua pelajar antarabangsa yang ingin mengikuti pengajian di Malaysia hendaklah mengemukakan permohonan Pas Pelajar secara atas talian ataupun melalui institusi pendidikan masing-masing dalam *Student Application and Registration System* (STARS) yang dikendalikan oleh *Education Malaysia Global Services* (EMGS).

Pelajar akan melalui tapisan akademik, kesihatan dan imigresen sebelum e-VAL (*Electronic Visa Approval Letter*) dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja. Seterusnya, pelajar hendaklah memohon Visa di Pejabat Perwakilan Malaysia (Malawakil). Dalam tempoh 7 hari, sebaik tiba di Malaysia, pelajar dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan mengambil insurans kesihatan sebelum Pas Pelajar dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Sehingga 31 Disember 2018, jumlah Pas Pelajar aktif adalah sebanyak 136,783. Berdasarkan laporan JIM sehingga April 2019, sebanyak 165 tangkapan bagi kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) iaitu tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan di Malaysia. Di bawah peruntukan Seksyen 15(4) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155), mana-mana individu yang melakukan kesalahan ini boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM10,000.00 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Tindakan kompaun merupakan alternatif bagi kesalahan di atas yang mana had maksimum kompaun adalah berjumlah RM15,000.00. Manakala sebanyak 8 tangkapan dibuat bagi kesalahan di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-peraturan Imigresen 1963 iaitu melanggar syarat Pas, Permit atau pas sempadan.